

Ivory bakal disenaraikan di Bursa Malaysia

Oleh ZAKI SALLEH

zaki.salleh@kosmo.com.my

PULAU PINANG - Ivory Properties Group Berhad (Ivory), syarikat pemaju hartanah yang bakal disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, komited untuk meneroka pelaburan baru termasuk di dalam dan di luar negara.

Keyakinan bersandarkan kepada keupayaan melaksanakan pelbagai projek hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.51 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Low Eng Hock berkata, sehingga kini Ivory berjaya menyiapkan projek pembangunannya dengan nilai keseluruhan kira-kira RM675.62 juta.

Baki projek pembangunan lain yang sedang dijalankan pula bernilai kira-kira RM834.09 juta dan

ia dijadualkan selesai dalam masa beberapa tahun lagi.

"Penyenaraian Ivory akan meningkatkan lagi kemampuan kami termasuk anak-anak syarikat untuk menyiapkan projek pembangunan hartanah dan juga akan mengukuhkan kedudukan kewangan kumpulan.

"Pertumbuhan ekonomi serta kenaikan pasaran hartanah yang lebih baik tahun ini juga diharapkan dapat membawa Kumpulan Ivory ke tahap pertumbuhan yang lebih baik," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam sempena pelancaran prospektus syarikat.

Ivory bakal disenaraikan pada akhir bulan ini.

Penyenaraian ini mencatat kejayaan bagi syarikat dari Pulau Mutiara apabila ia merupakan syarikat pembangunan hartanah per-

tama disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada tahun ini.

Kumpulan Ivory merupakan pemaju hartanah yang kukuh walaupun bermula serba sederhana semasa penubuhannya pada tahun 1999 dengan menjalankan projek-projek pembangunan hartanah sederhana hingga mewah.

Antara projek hartanahnya ialah kondominium The View Twin Towers di Batu Uban, projek kediaman Tanjung Park dan pangsapuri Seri Taman Tanjung (Tanjung Tokong) serta kondominium dan lot kedai komersial di Plaza Ivory.

Lain-lain projek yang telah disiapkan ialah banglo dan rumah berkembar, Palace Hill di Bukit Gambir, Fasa 1 Penang Times Square, kondominium dan pusat beli-belah Birch The Plaza di George Town.



ENG HOCK (kiri) bersama Pengarah Urusan Aminvestment Bank Bhd., Tan C Kok semasa pelancaran prospektus saham terbitan kumpulan itu di Kuala Lumpur semalam.